

## BENARKAH SEMENANJUNG PENGHALANG PERPADUAN?

Oleh

Tun Abdul Hamid Mohamad

Saya merujuk kepada berita yang yang disiarkan oleh Malaysia Chronicle pada 27 Jun 2019 dengan tajuk yang panjang memetik apa yang dikatakan oleh Profesor Dr. Jayum anak Jawan dari Universiti Putra Malaysia dan bekas penyandang Kursi Tun Abdul Razak ke-15, Ohio University, Amerika Syarikat dalam satu forum yang dianjurkan oleh Taylor's University baru-baru ini.

Beberapa perkara perlu dijelaskan terlebih dahulu. Pertama, bukanlah kebiasaan saya mengkritik pendapat seseorang. Saya menulis rencana mengenai sesuatu isu, termasuklah yang dibangkitkan oleh seseorang. Tujuan saya adalah untuk memberi pandangan dan hujah-hujah saya mengenainya, bukan untuk berbahas. Sebab itulah saya tidak membala *response* terhadap tulisan saya itu.

Saya fikir saya perlu menulis rencana ini kerana perkara ini telah dikatakan oleh seorang profesor yang kanan dan semestinya diterima oleh pembaca tanpa soal, terutama sekali jika tidak ada tulisan lain yang memberikan pandangan yang berlainan dengan hujah-hujah menyokongnya. Ini dapat dilihat daripada komen-komen pembaca berita itu. Maka, sekurang-kurangnya rencana ini akan memberi pendapat dan hujah-hujah di sebaliknya untuk ditimbang oleh pembaca dan membuat keputusan sendiri.

Kedua, saya sedar adalah agak merbahaya menulis berdasarkan berita yang disiarkan oleh akhbar-akhbar, apatah lagi akhbar-akhbar internet. Kerapkali, wartawan-wartawan itu hanya akan melaporkan sesuatu aspek yang boleh disensasikan sebagai berita, memberi gambaran yang tidak tepat, malah salah sama sekali. Saya harap perkara itu tidak berlaku di sini.

Ketiga, saya menulis dalam Bahasa Melayu bukan kerana saya tidak boleh menulis dalam Bahasa Inggeris. Sebabnya ialah, ini adalah mengenai perpaduan rakyat Malaysia dan lebih banyak rakyat Malaysia boleh membaca dan memahami Bahasa Melayu daripada Bahasa Inggeris. Lagi pula Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan. Maka, janganlah ada pula yang mengatakan saya *racist* kerana berbuat demikian.

Oleh sebab berita itu tidak terlalu panjang dan untuk membolehkan pembaca menilai kedua-dua pendapat dan hujah-hujah kami, saya akan memperturunkan terjemahannya:

*“Di Sarawak, orang duduk bersama, ada yang makan babi, yang tidak makan babi tidak menempuhnya” – pakar menghentam orang Malaysia dari Semenanjung yang racist yang cuba “membawa masuk” racism ke dalam negerinya, kata professor.*

PETALING JAYA - Seorang ahli akademik dari Sarawak mengatakan bahawa semenanjung tetap menjadi batu penghalang dalam mencapai perpaduan di Malaysia.

Jayum Jawan, yang kini berkhidmat di Jabatan Ekologi Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM), berkata masalah etnik dan agama sekarang bermula di semenanjung dan mereka "diimport ke Sarawak".

Beliau berkata rakyat Sarawak tidak mempunyai masalah dengan agama, sama ada Islam, Kristian atau Buddha.

"Banyak keluarga Sarawak yang berkahwin campur (inter-marry). Mereka meraikan Raya dan Krismas. Mereka duduk bersama; sesetengah makan babi.

"Mereka yang tidak makan daging babi tidak menyentuhnya."

Jawan bercakap di forum bertajuk "Adakah kita lebih bersatu sebagai sebuah negara selepas GE14", yang dianjurkan oleh Universiti Taylor.

Beliau berkata adalah juga satu norma bagi gerai beroperasi di bawah satu bumbung menjual daging babi, makanan India dan nasi lemak.

Tetapi beliau memberi amaran bahawa Sarawak menghadapi masalah kerana ia mengimpat isu-isu perkauman dari semenanjung, sambil menambah bahawa "jika anda ingin membawa masalah anda ke sini, anda tidak dialu-alukan (di Sarawak)".

Beliau berkata terdapat juga pengagihan (distribution) kerja yang adil antara Melanau, Bidayuh, Melayu, Iban dan Cina.

Walau bagaimanapun, Jawan berkata perkara yang sama tidak boleh dikatakan mengenai pengagihan pekerjaan dalam perkhidmatan awam di Semenanjung.

Sebagai contoh, beliau berkata pengarah dalam kementerian pendidikan, yang membincangkan dasar dan membawanya kepada menteri, kebanyakannya terdiri daripada satu kaum.

Beliau berkata terdapat kira-kira 30 pengarah.

"Berapa banyak orang India? Hanya satu. Itu adalah tiga tahun lalu ketika saya melakukan profil. Tetapi selama dua tahun yang lalu, tidak ada. Cina? Zero," katanya.

Beliau berkata beliau mengambil kementerian pendidikan sebagai contoh tetapi ia hampir senario yang sama di kementerian lain.

Jawan bertanya bagaimana para pengarah akan memahami keperluan dan aspirasi kaum Iban atau kaum India.

*Beliau berkata orang yang menjalankan kerajaan mesti memahami keperluan rakyat Malaysia dan bukan hanya satu komuniti.<sup>i</sup> – (Terjemahan saya).*

(Untuk membaca laporan asal dalam Bahasa Inggeris, sila layari laman web saya.)

Nampaknya, bagi Profesor Jayum, perpaduan wujud apabila semua orang daripada berbagai bangsa dan agama dapat duduk semeja, ada yang makan babi, ada yang makan tosai dan ada yang makan nasi lemak di sebuah gerai yang menjual semua makanan itu. Jika hujah itu dilanjutkan, maka, jika semua kaum di Malaysia boleh duduk se meja, sama-sama memakan babi, lembu, monyet, landak dan biawak, maka tahap perpaduan adalah lebih tinggi!

Saya katakan bahawa itu bukanlah ukuran perpaduan. Perpaduan antara kaum tidak menghendaki setiap kaum itu membuang suruhan dan tegahan agamanya, membuang budayanya dan sensitivitinya. Apa yang diperlukan ialah mereka sama-sama menghormati hak setiap kaum seperti yang telah dipersetujui dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan; tidak menuntut hak yang telah dipersetujui diberi kepada kaum lain; tidak curiga-mencurigai; tidak bermusuhan antara satu sama lain; menghormati agama, budaya dan sensitiviti kaum-kaum lain; taat setia kepada negara; menghormati dasar kebangsaan dan institusi negara; bersama-sama berusaha untuk membina dan memajukan negara, dan seterusnya.

Orang Islam bukan sahaja diharamkan memakan babi. Babi juga adalah najis yang paling berat. Tertempuh atau terkena pun memerlukan dibasuh anggota atau pakaian yang terkena itu sebanyak tujuh kali, termasuk sekali dengan air tanah. Kebanyakan orang bukan Islam tidak mengetahui konsep suci. Mereka hanya tahu konsep bersih.

Maka orang Islam mengelak kemungkinan tertempuh atau terkena bahan makanan yang mengandungi babi pada dirinya atau pakaianya, seperti kuah sup kaki babi yang mungkin tertumpah di atas meja. Lagi pula, orang Islam umumnya merasa jijik melihat makanan yang berasaskan babi (dan juga monyet, landak tenggiling, biawak dan lain-lain binatang yang haram dimakan) menyebabkan mereka merasa loya untuk menelan makanan mereka sendiri, apatah lagi jika ia dimakan di hadapannya.

Perbezaan ini sangat ketara jika dibandingkan dengan orang Cina. Sebagai misalan, orang Islam diharam memakan babi. Kerana itu dan kerana mereka merasa jijik, mereka tidak mereka-reka untuk memasak makanan yang menyerupai dari segi rupanya dan rasanya dengan makanan yang diperbuat daripada babi, untuk dimakan.

Sebaliknya, di bulan hantu, apabila pengikut-penganut agama berkenaan memakan sayur-sayuran untuk nasib baik, wujudlah gerai-gerai yang menjual makanan yang diperbuat daripada sayur-sayuran yang menyerupai makanan yang dielakkan itu dari segi rupa dan rasanya yang diperbuat daripada bahan-bahan sayur-sayuran. Maka diketengahkanlah makanan-makanan yang menyerupai makanan yang diperbuat daripada ikan, udang, sotong, itik, ayam, lembu dan lain-lain. Lagi lebih ia menyerupai makanan asal yang dielakkan itu, lagi istimewa dan lagi mahallah makanan itu.

Bayangkan, sebuah restoran yang menjual makanan yang menyerupai makanan yang diperbuat daripada babi atau nasinya dikepal menyerupai seekor babi untuk dimakan orang Islam yang kempungan kerana diharam memakan babi! Mungkinkah mereka akan menyerbu ke restoran itu untuk menikmatinya dan membayar harga yang lebih mahal daripada biasa?

Itu tahap sensitiviti orang Islam terhadap makanan yang diharamkan.

Atas alasan yang sama, orang Islam juga tidak selesa untuk masuk ke rumah orang bukan Islam yang memelihara anjing di dalam rumah dan duduk di atas sofa yang ditiduri oleh anjing itu, apatah lagi jika ia datang menggesel-gesel dan menjilat kaki pelawat itu.

Semua itu perlu difahami dan dihormati. Mereka bukan menolak perpaduan.

Jika ada orang Islam di Sarawak, malah di Semenanjung Malaysia yang tidak merasa jijik, malah yang makan babi, itu hal individu, ia tidak kena mengena dengan tahap perpaduan masyarakat mereka.

Mungkin tahap sensitiviti itu kurang di kalangan orang Islam di Sarawak daripada di kalangan orang Islam di Semenanjung, terutama sekali sebelum penubuhan Malaysia. Itu adalah kerana, berlainan daripada di Sarawak, terutama sekali di bahagian Utara dan Pantai Timur Semenanjung, terdapat banyak ulama tersohor dan sekolah-sekolah pondok dan sekolah Arab yang mengeluarkan beratus-ratus orang “lebai” dan “ustaz” yang menjadi imam di setiap kampung dan “pakar rujuk” di kampung berkenaan.

Maka tidak hairanlah jika, umumnya, orang Islam di Semenanjung, terutama sekali sebelum penubuhan Malaysia, lebih mendalam hukum syarak dan lebih wara’ daripada orang Islam di Sarawak. Wara’ bukan bererti *extremist*. Wara’ adalah cuba menjalani penghidupan mengikut hukum syarak dan semangatnya (*the spirit of the law*).

Sebagai misalan, seorang yang wara’ tentu tidak mahu masuk (walau pun masuk) ke dalam restoran yang tergantung daging babi bakar di hadapannya. (Mungkin seorang sami Buddha dan seorang paderi Kristian juga tidak mahu dilihat di dalam kelab malam. Rasionalnya sama.) Salahkah jika beliau bersikap demikian? Perlukan beliau membuang amalan itu demi untuk perpaduan? Salahkah jika, umumnya, orang Islam di Semenanjung lebih wara’ daripada orang Islam di Sarawak, terutama sekali sebelum penubuhan Malaysia?

Orang Islam di Semenanjung tidak pernah berniat untuk “mengimpor” masuk “Islam ala-Semenanjung” ke Sarawak (Sebenarnya tidak ada Islam ala-Semenanjung atau Islam ala-Sarawak.) Tiada siapa pernah terfikir demikian. Jika dalam masa setengah abad selepas penubuhan Malaysia, orang-orang Sarawak juga turut menerima manfaat daripada kemakmuran dan kemajuan Malaysia dan turut mengikuti siaran-siaran agama melalui radio dan televisyen Malaysia, menyebabkan mereka lebih mendalam Islam dan hukum syarak dan, oleh itu, cuba menjalani penghidupan mereka yang lebih wara’,

patutkan orang Islam di Semenanjung dituduh cuba mengimpor Islam ala-Semenanjung ke Sarawak?

(Satu misalan perbezaan dan kemajuan orang Islam Sarawak yang ketara semenjak penubuhan Malaysia ialah berkenaan bacaan al-Qur'an. Ini dapat diperhatikan daripada mutu bacaan qari dan qariah Sarawak di majlis tilawah al-Qur'an di peringkat kebangsaan. Di tahun-tahun awal selepas penubuhan Malaysia, mutu bacaan mereka agak rendah berbanding dengan peserta-peserta Semenanjung, terutama sekali dari bahagian Utara dan Pantai Timur. Malah dari segi lagu pun, mereka menggunakan lagu berzanji. Sekarang, mutu bacaan mereka menyamai qari dan qariah daripada Semenanjung.)

Mungkin diujahkan bahawa pengimporan itu dilakukan melalui penghantaran ustaz-ustaz untuk mengajar mata pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah kebangsaan di Sarawak. Perlu diingati bahawa agama Islam adalah mata pelajaran bagi silibus sekolah kebangsaan di seluruh Malaysia, bukan hanya di Sarawak dan ianya untuk pelajar-pelajar Islam sahaja. Adakah itu pun hendak dibantah oleh orang bukan Islam?

Maka, adalah tidak adil menuduh orang Islam Semenanjung “mengimport isu-isu perkauman” dari Semenanjung. Mengklasifikasi perkara ini sebagai isu perkauman (*racial issues*) dan menuduh orang Melayu *racist* adalah amalan biasa ahli-ahli politik bukan Melayu selepas Pakatan Harapan mengambil alih pemerintahan. Nampaknya, ahli akademik pun sudah bercakap seperti orang politik.

Beliau juga dengan sombong memberi amaran "*jika anda ingin membawa masalah anda ke sini, anda tidak dialu-alukan (di Sarawak)*".

Kepada beliau saya bertanya: Adakah beliau telah pun mengimpor “Islam ala-Sarawak” ke Semenanjung untuk diajar kepada pelajar-pelajarnya di Universiti Putra Malaysia? Bagaimana jika dikatakan, jika beliau berbuat demikian, beliau juga tidak dialu-alukan di sini? Tetapi, kita tidak berkata demikian kepadanya, jika tidak beliau tidak boleh berada di kedudukannya sekarang.

Beliau seterusnya mempersoalkan mengenai pengagihan pekerjaan dalam perkhidmatan awam di Semenanjung. Sebagai misalan, terdapat kira-kira 30 pengarah dalam Kementerian Pendidikan, kebanyakannya terdiri daripada satu kaum, maksudnya Melayu. Seorang Cina pun tidak ada, katanya.

Saya akui, saya tidak mempunyai fakta yang cukup untuk menjawab tuduhan ini. Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan Jabatan Perkhidmatan Awam tentu lebih sesuai menjawab tuduhan ini.

Saya terima fakta yang diberinya. Tetapi, kita tidak sepatutnya hanya melihat kepada angka tanpa mengkaji sebabnya. Berapa orang pelajar Cina yang berminat mengambil kursus pendidikan di universiti-universiti kita? Hakikatnya, mereka menolak sistem pelajaran kebangsaan; tidak mahu memasuki sekolah kebangsaan; belajar di sekolah-

sekolah Cina; mengambil Peperiksaan Gabungan Sekolah Menengah Persendirian Cina (UEC); tidak sanggup mengajar di sekolah-sekolah kebangsaan apatah lagi di luar bandar dan di pedalaman. Jika mereka tidak sanggup memulai kerjaya mereka sedemikian, dari mana hendak diambil calon-calon yang kanan dalam kementerian untuk mengisi jawatan-jawatan itu? Adaklah ahli-ahli politik berbangsa Cina akan dilantik semata-mata untuk mengisi jawatan-jawatan itu dengan orang Cina?

Mengenai tuduhan itu, saya akan berhenti di sini. Saya harap pihak yang lebih tahu dalam hal ini akan menjelaskan perkara ini supaya orang ramai mengetahui hal yang sebenar. Jika tidak, apa yang dikatakan oleh Profesor Jayum itu akan diterima bulat-bulat yang memberi gambaran kerajaan Barisan Nasional “racist”. Sebenarnya, itulah yang hendak dikatakan pun.

Sekarang, kita lihat pula, komen-komen yang diterima dan disiarkan oleh Malaysia Chronicle. Terdapat lima kesemuanya, tentulah yang terbaik dan terpilih.

#### 1. Kam Hong Yeap

*“Bravo! Malaysia memerlukan lebih banyak orang yang jujur (righteous) dan berani seperti kamu!!”<sup>ii</sup>* (Terjemahan saya).

#### 2. Joseph Chee

*“Setakat ini, posting terbaik yang saya pernah baca, dengan fakta yang dinyatakan. Tahniah Jawan kerana berkongsi pendapat anda. Untuk Malaysia yang lebih baik, kita memerlukan lebih banyak orang seperti anda.”<sup>iii</sup>*(Terjemahan saya).

#### 3. Tom Yong

*“Pendapat yang baik.”<sup>iv</sup>*(Terjemahan saya).

#### 4. Cy Wong

*“Kita perlu bertanya apa dan di manakah kita berlaku salah. Apa yang dijelaskan oleh Jayam boleh dilihat di sini di Malaysia Barat sekitar 50 tahun yang lalu.*

*Maka ke arah mana kita menuju sekarang”<sup>v</sup>*(Terjemahan saya).

#### 5. Danny Yang

*“Kamu tunggalah sahaja....apabila ada seorang yang pintar di timur sarawak yang mengimpot wahidisme (sic) ke masyarakat muslim di sarawak....pada masa itu anda akan nampak.....muslim di sarawak akan berkelakuan sama seperti muslim semenanjung. Kerana wahidism (sic) mengajar kepada pengikutnya bahawa mereka adalah baka istimewa muslim ..mesti ikut arab wat....sebab arab adalah mentor idealogi wat wat .... jadi tidak boleh bercampur dengan bukan Islam ....**Begitu istimewa, jika***

**mereka tidak makan makanan halal, esoknya mereka tidak boleh berak...”** (Tekanan ditambah) <sup>vi</sup>(Terjemahan saya).

(Untuk membaca komen-komen asal dalam Bahasa Inggeris, sila layari laman web saya.)

Daripada nama-nama mereka, kesemua mereka adalah orang Cina. Mereka sangat teruja dengan apa yang dikatakan oleh Profesor Jayum itu. Kita boleh bayangkan sambutan tepukan yang beliau terima daripada pelajar-pelajar Universiti Taylor yang kebanyakannya berketurunan Cina itu.

Tidak seorang pun menyoal mengapa ia menjadi demikian. Mereka hanya menerima apa yang dikatakannya. Mereka gembira kerana ia merupakan tuntutan untuk membuka peluang mengisi jawatan-jawatan itu kepada bangsa mereka.

Saya tidak mengatakan jawatan-jawatan itu tidak patut diisi oleh orang Cina dan kaum-kaum lain jika dan apabila terdapat calon-calon yang layak dan sesuai. Tetapi, cuba minta syarikat-syarikat yang dimiliki orang Cina membuka peluang perkerjaan di peringkat eksekutif kepada orang bukan Cina (bukan sahaja orang Melayu). Lihatlah reaksi mereka. Apabila Menteri Pendidikan menyebut hal itu, mereka menuntut beliau meletak jawatan!

Komen yang terakhir itu datangnya daripada seorang yang bencikan Islam yang berhujah mengenai perkara yang dia tidak tahu, termasuk perkataan “Wahabi”. Perhatikan ayat terakhir yang diberi tekanan. Itulah jenis manusia yang menyokong kuat pendapat Profesor Jayum itu.

Satu faktor yang menjadi penghalang utama perpaduan negara yang Profesor Jayum tidak dilaporkan menyebut ialah kewujudan sekolah-sekolah Cina. Dari kecil hingga keluar sekolah, seorang pelajar Cina tidak bergaul dengan pelajar bangsa lain. Mereka membesar dalam “persekitaran Cina”, rakan sedarjahnya Cina, gurunya Cina (apabila kerajaan menghantar guru penolong kanan Melayu, ia ditentang), bahasa pengantar Cina, peperiksaan lain daripada di sekolah kebangsaan, sijilnya lain (tetapi mereka menuntut supaya ia diiktiraf sama seperti Sijil Pelajaran Malaysia). Pendek kata, mereka mahu kekal berlainan, tetapi menikmati faedah yang sama. Mereka mahu untung di kedua belah.

Maka tidak hairanlah jika, setelah keluar sekolah, mereka tidak berminat menyertai pasukan beruniform; mereka menghina bendera Malaysia; mereka menghina agama Islam; mereka menghina Yang di-Pertuan Agong dan lain-lain lagi.

Itu adalah penghalang utama perpaduan Malaysia.

Mungkin dihujahkan bahawa pelajar-pelajar Melayu yang belajar di sekolah-sekolah kebangsaan juga tidak bergaul dengan pelajar-pelajar Cina. Itu bukan salah mereka. Mereka berada di sekolah kebangsaan yang pelajar-pelajar Cina itu sepatutnya belajar,

tetapi ibu bapa mereka enggan menghantar mereka ke sekolah kebangsaan itu. Yang menggagalkan peluang mereka bergaul adalah orang Cina.

04 07 2019

tunabdulhamid@gmail.com  
<http://www.tunabdulhamid.my>  
<https://tunabdulhamid.me>

<sup>i</sup> ‘HERE IN SARAWAK, PEOPLE SIT TOGETHER. SOME EAT PORK, THOSE WHO DON’T EAT IT DON’T TOUCH IT’ – EXPERT FLAYS RACIST MALAYSIANS FROM THE PENINSULA FOR TRYING TO ‘IMPORT’ RACISM INTO HIS STATEY, CLAIMS DON.

PETALING JAYA – An academician from Sarawak says the peninsula remains a stumbling block in achieving unity in Malaysia.

Jayum Jawan, who is now with the Human Ecology Department at Universiti Putra Malaysia (UPM), said the present ethnic and religious problems began in the peninsula and they are “being imported into Sarawak”.

He said Sarawakians do not have problems with any religion, be it Islam, Christianity or Buddhism.

“Many native Sarawak families inter-marry. They celebrate Raya and Christmas. They sit together; some eat pork.

“Those who don’t eat pork don’t touch it.”

Jawan was speaking during a forum called “Are we more united as a nation after GE14”, organised by Taylor’s University.

He said it was also the norm for stalls operating under one roof to sell pork, Indian food and nasi lemak.

But he cautioned that Sarawak is facing a problem as it imports racial issues from the peninsula, adding that “if you want to bring your problems here than you should not be welcomed (in Sarawak)”.

He said there was also a fair distribution of work among the Melanau, Bidayuh, Malays, Iban and the Chinese.

However, Jawan said the same cannot be said about job distribution in the civil service in the peninsula. For instance, he said the directors in the education ministry, who deliberated on policies and brought them up to the minister, were mostly made up of one race.

He said there are about 30 directors.

“How many Indians? Only one. That was three years ago when I did profiling. But for the last two years, there was none. Chinese? Zero,” he said.

*He said he was taking the education ministry as an example but it was almost the same scenario in other ministries.*

*Jawan asked how the directors would understand the needs and aspirations of the Ibans or the Indians.*

*He said people who run the government must understand the needs of Malaysians and not just one community.*

*– FMT”*

<sup>ii</sup> “*Bravo! Malaysia needs more righteous and courageous guys like you !!”*

<sup>iii</sup> “*By far the best posting I have read, with facts stated. Congratulations Jawan for sharing your thoughts. For a better Malaysia we need more people like you.”*

<sup>iv</sup> “*Good stuff.”*

<sup>v</sup> “*We have to wonder what and where did we went wrong. What Mr Jayam described could be seem here in West Malaysia about 50 years back.*

*So which direction are we heading now?”*

<sup>vi</sup> “*U just wait..once some smart alec in the east sarawak imported wahidism into the muslim community in sarawak..later on u will see..the sarawakian muslim will be behaving the same as the peninsula muslim. Cos wahidism teaching telling his follower they are the special breed of muslim..must follow arab wat..cos arab is the mentor of muslim ideology wat...so cannot mix with the nons.. So special that if they didnt eat halal food next day cant shits...”*